



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: :100-4/10/(82)

Tarikh : :1 Ogos 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden Majlis Perbandaran Tawau

Mahkamah Anak Negeri, Kota Kinabalu

Semua Pegawai Daerah


Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI BIL .9 TAHUN 2016 PENGGUNAAN KOD SUBSIDIARI AKAUN DEPOSIT K74

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan sebagai susulan kepada pemberitahuan Jabatan Bendahari Negeri berkaitan penggunaan Lejar Subsidiari Akaun Deposit K74 melalui surat rujukan 300-6/125 JLD.2/(6) bertarikh 08 Mac 2016 dan bertujuan untuk memaklumkan penguatkuasaan penggunaan Kod subsidiari Akaun Deposit K74 untuk mengakaun Deposit kecuali Deposit Pengguna Air.



2. LATAR BELAKANG

Lejar Subsidiari Akaun Deposit Kod K74 telah mula digunakan mulai akaun bulan Januari 2016. Untuk menyediakan lejar subsidiari ini, **Kod Subsidiari Akaun Deposit K74** akan diwujudkan oleh Jabatan Bendahari Negeri kepada setiap pendeposit berdasarkan maklumat/butiran pendeposit yang dibekalkan oleh Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/DBKK/MPS/MPT/Mahkamah Anak Negeri. Tujuannya adalah untuk memudahkan Pegawai Pengawal memantau Akaun pendeposit dibawah kawalan masing-masing.

3. TATACARA PENGGUNAAN KOD SUBSIDIARI AKAUN DEPOSIT K74

3.1 **Kod Subsidiari Akaun Deposit K74** hendaklah digunakan apabila menyediakan baucer bayaran dimana baucer bayaran ada potongan (kredit) untuk bayaran Deposit ataupun apabila mengakui terima Deposit melalui resit rasmi atau apabila membuat bayaran balik(debit).

4. TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT DAERAH / DBKK/ MPS/ MPT/MAHKAMAH ANAK NEGERI

Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/DBKK/MPS/MPT/Mahkamah Anak Negeri yang mempunyai Akaun Deposit K74 hendaklah mengemaskini Buku Daftar Akaun Deposit dibawah kawalannya. Maklumat pendeposit seperti **nama dan baki deposit** hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk penyediaan Kod Subsidiari Akaun Deposit K74.

4.1 Pendeposit Seperti dalam Buku Daftar Kementerian/Jabatan

(i) Bagi Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Daerah /DBKK/MPS/MPT/ Mahkamah Anak Negeri yang telah **mengemukakan** senarai pendeposit dan **telah diperuntukkan Kod Subsidiari Akaun Deposit K74**, penggunaan kod tersebut adalah seperti di perenggan 3.1 dan **berkuatkuasa serta merta**.

- (ii) Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/DBKK/MPS/MPT/Mahkamah Anak Negeri yang **belum mengemukakan** senarai pendeposit dan pada masa ini masih menggunakan ‘one line code’ iaitu:- **K74 000 000000 00000000 0000**, adalah dikehendaki mengemukakan senarai pendeposit dengan **kadar segera** ke Jabatan Bendahari Negeri untuk penyediaan Kod Subsidiari Akaun Deposit K74.

4.2 Pendeposit Baru

Kementerian/Jabatan/ Pejabat Daerah/ DBKK/ MPS/ MPT/ Mahkamah Anak Negeri hendaklah mengemukakan **permohonan Kod Subsidiari Akaun Deposit K74** kepada Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

5. MAKLUMAT AM

- 5.1 Lejar Subsidiari Akaun Deposit hendaklah disesuaikan dengan Buku Daftar Deposit[T.F.089] Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/DBKK/MPS/MPT/ Mahkamah Anak Negeri.
- 5.2 Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan butiran dalam Lejar Subsidiari Akaun Deposit adalah sama dengan butiran dalam Buku Daftar Deposit[T.F.089] Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/DBKK/MPS/MPT/ Mahkamah Anak Negeri.
- 5.3 Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/ DBKK/MPS/MPT/Mahkamah Anak Negeri di beri tempoh sehingga **31 Disember 2016** untuk mengemaskini buku daftar akaun deposit dan mengemukakan senarai pendeposit kepada Jabatan Bendahari Negeri.

5.4 Bagi memastikan Lejar Subsidiari Akaun Deposit Kod K74 berjaya sepenuhnya, penggunaan kod ‘one line’ -**K74 000 000000 000000 00000000 000000** akan disekat dalam sistem mulai **1 Januari 2017**.

5.4 Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/DBKK/MPS/MPT/ Mahkamah Anak Negeri yang tidak menggunakan Kod Subsidiari Akaun Deposit K74 dalam tempoh seperti yang ditetapkan akan mengakibatkan baucer akan ditegur.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat pekeliling ini **berkuatkuasa serta merta**.

6. PERTANYAAN

6.1 Sebarang pertanyaan berhubung dengan Kod Subsidiari Akaun Deposit sila berhubung dengan Penolong Bendahari Negeri atau Akauntan Bahagian Pengurusan Akaun Awam, di talian **272279/272521**.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’


(CHUT NGANGET NGO)
Bendahari Negeri Sabah

s.k. Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU.

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara , Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU.